

## **KESAN KAEDAH ANSUR MAJU DALAM MEMBETULKAN TULISAN HURUF BESAR DAN HURUF KECIL MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Zaharin Bin Liam**  
**zaharin\_liam@yahoo.com**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu membetulkan tulisan huruf besar dan huruf kecil murid Tahun Empat melalui kaedah ansur maju. Selain itu, penyelidikan ini turut memberi ruang kepada saya untuk menambah baik amalan saya dalam proses pengajaran melalui penggunaan kaedah ansur maju. Selain saya, peserta kajian melibatkan seorang murid Tahun 4 Bestari dari sebuah sekolah rendah di Kuching. Penyelidikan tindakan ini telah dilaksanakan sebanyak enam kitaran dalam masa tiga bulan. Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual digunakan untuk mengumpul data tentang kesan tindakan. Cara analisis data adalah melalui analisis kandungan dan analisis pola. Triangulasi sumber dan masa digunakan untuk proses penyemakan data yang ditafsir. Analisis data menunjukkan kaedah ansur maju memberikan kesan positif dari segi peningkatan tahap pengetahuan dan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran di samping membantu saya meningkatkan amalan saya sebagai penyelidik dan pendidik.*

*Kata Kunci: Kaedah ansur maju, kemahiran menulis, murid Tahun Empat, membetulkan tulisan, huruf kecil dan huruf besar*

### **ABSTRACT**

*This study aimed at improving my teaching practices in helping to correct a Year Four pupil's writing of uppercase and lowercase letter. In addition, this research also provided me the opportunity to improve my practices through the use of developmental approach. This study involved a Year 4 Bestari pupil from a primary school in Kuching and was carried out in six cycles within three months. Observation, document analysis and interviews were used to collect data. The data were then analyzed through content and pattern analysis. Triangulation of sources and time were used to check the credibility of the data. Data analysis showed that the developmental approach has impact in terms of increasing the level of knowledge and pupil's participation in the learning and at the same time helped me improved my practices as a researcher and educator.*

*Keywords: Developmental approach, writing skills, Year Four pupil, correct writing, lower and upper case letters*

## PENGENALAN

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran


Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan Kepujian Bahasa Melayu Rendah ambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL). Saya telah menjalani tiga Fasa praktikum dan 'internship'.

Saya seorang guru pelatih yang menjalani praktikum Fasa III di SK Cemerlang (SKC). Saya diberi tanggungjawab mengajar kelas Tahun Empat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Saya menjalani latihan praktikum di sekolah ini pada 30 Januari 2012 sehingga 27 April 2012.

Untuk tempoh beberapa minggu permulaan praktikum Fasa III, saya telah mengesan beberapa masalah yang wujud dalam kalangan murid saya dari Tahun Empat dalam pengajaran Bahasa Melayu. Masalah yang paling ketara berlaku dalam kalangan murid ialah masalah kemahiran menulis. Kemahiran menulis diperlukan untuk semua mata pelajaran di sekolah. Salah satu aspek yang dititikberatkan dalam penulisan adalah aspek penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Saya sebagai guru Bahasa Melayu sungguh tidak berpuas hati dengan keadaan yang wujud kerana saya berpendapat bahawa sepatutnya murid-murid sekolah rendah didedahkan dengan cara menulis dengan betul. Saya berharap saya dapat menyelesaikan masalah ini dalam tempoh praktikum ini dan masalah ini menjadi fokus kajian ini.


### Fokus Kajian

Saya telah melaksanakan ujian pengesanan dan pemerhatian awal dalam minggu ke dua praktikum Fasa III. Saya telah meminta murid-murid membina karangan ringkas mengenai diri mereka. Masalah yang sangat kritikal yang saya kenal pasti dalam pemerhatian saya yang pertama untuk aktiviti penulisan ialah penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang salah dalam struktur ayat. Murid yang paling ketara dan sering membuat kesalahan tersebut ialah Topo (bukan nama sebenar). Rajah 1 menunjukkan kesilapan dalam hasil tulisan Topo



Rajah 1. Hasil kerja Topo (14 Februari 2012).

Untuk mengesahkan kesalahan, saya sekali lagi memintanya membina ayat ringkas yang sama tentang dirinya. Topo didapati mengulangi kesalahan untuk aspek yang sama iaitu kesalahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam struktur ayat. Rajah 2 menunjukkan Topo mengulangi kesalahan yang sama.



Rajah 2. Hasil kerja Topo (16 Februari 2012).

Daripada Rajah 1 dan Rajah 2, saya dapat mengenal pasti bahawa Topo sering melakukan kesalahan tanda baca iaitu mencampuradukkan penggunaan huruf besar dan huruf kecil.

Saya merancang beberapa tindakan terhadap Topo berdasarkan pembacaan saya mengenai cara untuk mengatasi masalah kesalahan yang timbul dari aspek penggunaan huruf besar dan huruf kecil melalui kajian-kajian lepas. Justeru, saya ingin membuat penambahbaikan atas amalan p&p serta pembelajaran murid Tahun Empat dalam menulis huruf besar dan huruf kecil.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menambah baik amalan p&p saya melalui kaedah ansur maju untuk membantu Topo mengurangkan kesalahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu. Kajian ini turut bertujuan membantu Topo mengurangkan kesalahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu melalui kaedah ansur maju.

### Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah kaedah ansur maju dapat menambah baik amalan p&p saya dalam pengajaran Bahasa Melayu Tahun Empat?
- Apakah kesan penggunaan kaedah ansur maju terhadap prestasi Topo dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu?

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

### Perancangan Tindakan

Dalam pengajaran bahasa, pada umumnya ada empat kemahiran yang dipentingkan, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Asmah Hj Omar, 1992). Dalam keempat-empat kemahiran tersebut, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling kompleks. Penekanan dalam kemahiran menulis ialah terhadap penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul di samping tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Mengikut Isahak Haron (2001), kaedah ansur maju ialah proses p&p yang berasaskan kepada pemeringkatan sesuatu kemahiran seperti dari pergerakan yang mudah kepada pergerakan yang susah, pergerakan motor kasar kepada

pergerakan motor halus dan perlakuan yang ringkas kepada perlakuan yang kompleks.

Dalam penulisan, kesalahan penggunaan huruf besar dan kecil di tengah perkataan merupakan kesalahan tatabahasa. Murid-murid perlu tahu bagaimana menggunakan huruf besar sesuai dan betul pada tempatnya. Menurut Abdullah Hamid Mahmood, Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Haji Musa (2010), kata nama am ialah perkataan yang merujuk kepada benda atau perkara yang umum sifatnya. Dari aspek penulisan kata nama am, huruf pertama tidak semestinya huruf besar. Kata nama khas ialah kata yang mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan atau institusi, undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan seumpamanya. Dalam tulisan, huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Kajian Tiong Hung Ching (2005) mendapati pelajar beliau tidak dapat menulis dengan baik dan beliau menghadapi kesukaran membaca tulisan pelajarannya. Beliau cuba mengatasi isu tulisan pelajarannya dengan menggunakan kaedah ansur maju. Kaedah ansur maju turut digunakan oleh Juliana Ling Chu Chen (2009) dalam kajiannya yang bertajuk "Membaiki Tulisan Murid Tahun 3 dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina Dengan Kaedah Ansur Maju." Tindakan yang dijalankan beliau melibatkan penggunaan lembaran kerja khas untuk tulisan Cina. Beliau melaksanakan tindakan beliau secara ansur maju dalam sembilan langkah. Lantaran, saya juga menghasilkan p&p menggunakan kaedah ansur maju berbantuan lembaran kerja yang pelbagai mengikut tahap keupayaan murid saya. Saya percaya bahawa kaedah ansur maju ini mampu membawa perubahan positif terhadap peserta kajian saya dalam kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Penyelidikan tindakan dilaksanakan di luar waktu sesi p&p. Pusat sumber sekolah dijadikan tempat pelaksanaan tindakan. Kaedah ansur maju untuk mengajar peserta kajian menulis huruf besar dan huruf kecil. Jadual 1 menunjukkan tarikh dan masa bagi setiap tindakan yang diambil dalam penyelidikan tindakan ini.

Jadual 1

*Jadual Pelaksanaan Tindakan*

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh Pelaksanaan</b>
1	Melaksanakan tindakan 1 – aktiviti 1 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 1	26 – 27 Mac 2012
2	Melaksanakan tindakan 2 – aktiviti 2 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 2	30 – 31 Mac 2012
3	Melaksanakan tindakan 3 – aktiviti 3 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 3	4 – 5 April 2012
4	Melaksanakan tindakan 4 – aktiviti 4 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 4	11– 12 April 2012
5	Melaksanakan tindakan 5 – aktiviti 5 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 5	18 - 19 April 2012
6	Melaksanakan tindakan 6 – aktiviti 6 Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 6	28-29 Jun 2012

Contoh lembaran kerja yang diberikan kepada Topo terdapat dalam Rajah 3.

<p>Tindakan 1</p> <p>a</p> <p>b</p> <p>c</p> <p>d</p> <p>e</p> <p>f</p> <p>g</p>	<p>Tindakan 2</p> <p>guli</p> <p>saw</p> <p>duku</p> <p>pala</p> <p>saga</p> <p>baju</p>	<p>Tindakan 3</p> <p>lima jari kaki</p> <p>roti kaya basi</p> <p>tali guni padi</p> <p>kaki meja guru</p> <p>tiga biji ciku</p>
<p>A. Baca dengan kuat. Cili Padi.</p> <p>Ini ibu Ibu A Ibu A</p> <p>Tindakan 4</p> <p>Ibu Ali beli cili padi. Ibu Ali beli cili padi satu raga. Ibu Ali beri cili padi pada Lili.</p> <p>B. Salin semula.</p>	<p>Betik itu manis.</p> <p>Tindakan 5</p> <p>Adik suka makan betik.</p> <p>Jamal ada belon.</p> <p>Belon Jamal itu besar.</p>	<p>Nama: _____ Tarikh: _____</p> <p>Tulis kar:</p> <p>Tindakan 6</p>

Rajah 3. Lembaran kerja yang diberikan kepada Topo.

Rajah 3 menunjukkan lembaran kerja yang diberikan kepada Topo bagi setiap tindakan yang telah dirancang. Dalam lembaran kerja tersebut, Topo diminta untuk menulis huruf, perkataan, frasa dan ayat mengikut tahap penguasaan Topo dalam kemahiran menulis. Sebelum Topo menulis, Topo dikehendaki membaca semua perkataan yang terdapat dalam lembaran kerja tersebut bagi memastikan Topo menguasai kemahiran membaca.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya dan seorang murid Tahun Empat iaitu Topo. Selari dengan definisi penyelidikan tindakan, saya turut merupakan peserta kajian. Topo merupakan murid lelaki berbangsa Iban yang berumur 10 tahun. Topo seorang murid yang pendiam, tidak aktif untuk memberi pendapat dalam kelas tetapi selalu patuh arahan gurunya.

### Etika Penyelidikan

Saya pada mulanya memohon kebenaran secara formal daripada sekolah tempat saya berpraktikum. Seterusnya saya telah mendapatkan kebenaran daripada peserta kajian saya secara bertulis. Saya telah memberitahu tentang tujuan, matlamat dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Saya juga berjanji menjaga hak kerahsiaannya. Begitu juga dengan kebenaran diperoleh daripada guru pembimbing dan rakan sepraktikum sepanjang kajian ini dilaksanakan.

### Kaedah Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk memastikan data yang dikumpul mencukupi dan menyeluruh serta berupaya memberi bukti dan sokongan dalam menjawab soalan-soalan penyelidikan tindakan.

## **Pemerhatian**

Pemerhatian dijalankan sepanjang penyelidikan tindakan. Semasa membuat pemerhatian, saya menghasilkan catatan nota lapangan. Kandungan nota lapangan merangkumi huraian latar, tindakan yang dilaksanakan, tingkah laku peserta dan refleksi sendiri. Saya juga mengambil gambar Topo semasa proses pelaksanaan penyelidikan tindakan. Ia dapat dijadikan bahan sokongan yang kukuh untuk memaparkan data. Rajah 4 menunjukkan contoh nota lapangan yang saya catat semasa membuat pemerhatian.

<b>NOTA LAPANGAN</b>	
Nama Peserta	Topo (bukan nama sebenar)
Tarikh	11 April 2012
Masa	10.30 – 11.00 pagi
Catatan pemerhatian: Topo kelihatan bersungguh-sungguh membuat latihan dalam tindakan 4. Topo duduk dengan tegak, serta matanya fokus dengan latihan yang diberikan. Saya membiarkan Topo membuat latihan tersebut mengikut kefahamannya mengenai huruf besar dan huruf kecil.	

*Rajah 4. Contoh nota lapangan saya (6 Februari 2012).*

## **Analisis dokumen**

Analisis dokumen yang saya gunakan adalah berbentuk lembaran kerja. Data yang dikumpul ini adalah sumber jenis primer. Saya boleh mengetahui tahap penguasaan peserta kajian ekoran pelaksanaan kaedah ansur maju berdasarkan lembaran kerja tersebut.

## **Temu bual**

Menurut Chuah Kim Hwa (2007), temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan seseorang penyelidik mendapat maklumat kajian secara mendalam kerana melibatkan hubungan bersua muka secara berlangsung (“face-to-face”) dengan peserta kajian. Saya telah memilih temu bual separa struktur dalam penyelidikan saya. Contoh soalan yang saya ajukan terhadap peserta kajian adalah seperti berikut.

- Seronok tak belajar Bahasa Melau?
- Dapatkah awak membezakan huruf kecil dan huruf besar?
- Apakah Perasaan awak semasa menjawab latihan dalam lembaran kerja?
- Adakah awak mampu menulis huruf besar dan huruf kecil dengan baik?
- Adakah awak menghadapi masalah semasa menulis huruf besar dan huruf kecil?

## **Kaedah Menganalisis Data**


Kaedah analisis kandungan dan analisis pola telah digunakan dalam kajian ini untuk mencari dan menyusun maklumat yang dikumpul serta mempersembahkan data. Untuk analisis kandungan, saya menganalisis kandungan lembaran kerja Topo menggunakan borang senarai semak seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Senarai Semak Kekerapan Kesilapan Topo Dalam Aktiviti Penulisan

Bil/tarikh	Tindakan	Kekerapan melakukan kesilapan huruf kecil	Kekerapan melakukan kesilapan huruf besar
1. 26 Mac 2012	Tindakan 1		
2. 30 Mac 2012	Tindakan 2		
3. 4 April 2012	Tindakan 3		
4. 11 April 2012	Tindakan 4		
5. 18 April 2012	Tindakan 5		
6. 28 April 2012	Tindakan 6		

Kandungan yang dikenal pasti ialah dari segi kekerapan kesilapan huruf besar dan huruf kecil. Ini dilakukan untuk setiap tindakan bermula daripada 26 Mac 2012 sehingga 28 April 2012. Saya telah menganalisis pola hasil tindakan saya untuk melihat kesignifikan pola dan kelas pola perlakuan tersebut. Setelah menyemak data dalam setiap tindakan, saya dapat membuat kesimpulan bahawa Topo dapat meningkatkan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dengan betul. Rajah 5 menunjukkan cara saya menganalisis pola persamaan yang terdapat dalam latihan Tindakan 2 dan Tindakan 3 terhadap Topo.




Rajah 5. Latihan Tindakan 2 dan Tindakan 3 terhadap Topo (30 Mac 2012 dan 4 April 2012).

**Kaedah Menyemak Data**

Dalam penyemakan data, saya menggunakan triangulasi sumber dan triangulasi masa untuk membina keyakinan terhadap kreadibiliti data yang saya kumpulkan dan analisis.

Untuk bahagian triangulasi masa, saya telah memberi latihan yang sama semasa 'internship'. Saya memberikan latihan tindakan 6 kepadanya semasa 'internship'. Rajah 6 menunjukkan lembaran kerja yang telah saya beri kepada Topo semasa menjalankan 'internship'.



Rajah 6. Contoh lembaran kerja yang disediakan oleh Topo (29 Jun 2012).

Untuk triangulasi sumber, saya telah berbincang mengenai kaedah dan teknik yang saya gunakan dengan rakan sekursus saya selepas saya melaksanakan tindakan saya pada 29 Jun 2012. Menurut Azman Wan Chik (1989), pandangan yang berbeza akan meluaskan pengetahuan dan memperoleh pendapat yang bernas. Transkrip temu bual saya dengan rakan sepraktikum iaitu Raffi yang mana triangulasi sumber berlaku adalah seperti berikut.

- Raffi : Apabila awak menggunakan kaedah ansur maju, **Topo lebih mudah untuk memahami** penggunaan kata nama am dan kata nama khas dengan baik.
- Saya : Ya, memang betul.
- Raffi : Jika awak menggunakan kaedah ini secara berterusan di dalam kelas, murid awak akan dapat mengikuti proses pengajaran dengan **lebih baik dan berkesan**.
- Saya : Saya akan cuba kaedah ini nanti.

(Transkript Temu Bual dengan Raffi, 29 Jun 2012)


## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- Bagaimanakah kaedah ansur maju dapat menambah baik amalan p&p saya dalam pengajaran Bahasa Melayu Tahun Empat?


Melalui penyelidikan tindakan ini, saya dapat meningkatkan lagi ketelitian saya. Semasa menyemak hasil lembaran kerja bertulis murid. Saya telah memberikan perhatian yang sepenuhnya dalam menyemak hasil kerja peserta kajian saya. Saya telah menyemak setiap hasil kerja Topo dalam enam tindakan yang telah saya berikan kepadanya. Saya mendapati Topo tidak melakukan kesalahan dalam mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil. Rajah 7 menunjukkan hasil semakan saya lembaran kerja tindakan 5 yang dibuat oleh Topo.





Rajah 7. Lembaran kerja Tindakan 4 Topo (11 April 2012).

Melalui penyelidikan ini juga, penggunaan bahan bantu mengajar membantu saya dalam menambah baik pengajaran saya dalam kelas. Penggunaan bahan bantu mengajar dapat meningkatkan kefahaman murid selain merangsang minat dan sikapnya yang lebih positif. Dalam penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan alat bantu mengajar (ABM) seperti lembaran kerja yang pelbagai untuk menarik minat Topo membuat lembaran kerja tersebut. Rajah 8 menunjukkan refleksi saya pada Rancangan Pengajaran Harian bertarikh 14 Mac 2012 tentang proses p&p saya pada hari tersebut selain cadangan penggunaan ABM untuk p&p seterusnya.



Rajah 8. Refleksi rancangan pengajaran harian (14 Mac 2012).

Walaupun refleksi p&p tersebut bukan berkaitan dengan pengajaran kata nama am dan kata nama khas, saya dapat membuat kesimpulan bahawa penggunaan bantu mengajar yang sesuai, mampu memudahkan murid untuk memahami sesuatu konsep dalam sistem bahasa. Murid melibatkan diri secara aktif sesuai dengan strategi berpusatkan murid yang memerlukan penggunaan ABM secara optimum.

Saya juga berpeluang berbincang tentang prestasi murid dengan guru pembimbing dan guru mata pelajaran yang lain. Maklumat yang saya dapat cukup untuk membantu saya memahami tahap murid saya dan saya boleh memikirkan cara untuk mengajarnya. Contohnya, saya berbincang dengan guru kelas dan guru pembimbing saya tentang pencapaian murid kajian saya pada Ujian Semester yang lepas. Dengan perbincangan sebegini, semakin banyaklah interaksi saya dengan guru-guru lain dan hubungan kami semakin erat. Berikut merupakan transkrip temubual dengan guru pembimbing.


- Saya : Cikgu, bagaimana dengan prestasi murid ini di dalam kelas ( menunjukkan senarai nama peserta kajian yang dipilih)
- Guru pembimbing : Murid ini sudah ada peningkatan dalam Ujian Pertengahan Semester yang lepas. **kaedah yang awak guna tersebut sangat membantu prestasinya.**
- Saya : Yakah. terima kasih cikgu. (senyum)
- Guru pembimbing : Bolehlah awak ajar cikgu kaedah itu nanti. Dapat cikgu gunakan ajar murid dalam kelas. **(ketawa)**
- Saya : **(ketawa)**

Transkrip Temu Bual dengan guru pembimbing (29 April 2012).

Kaedah ansur maju yang diaplikasi telah menambah baik amalan p&p saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat mengenai kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil.

• **Apakah kesan penggunaan kaedah ansur maju terhadap prestasi Topo dalam penulisan huruf besar dan huruf kecil untuk penulisan Bahasa Melayu?**

Kaedah ansur maju telah memberi kesan positif terhadap peserta kajian saya dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil. Rajah 9 menunjukkan hasil lembaran kerja yang dibuat oleh Topo sepanjang tempoh pelaksanaan tindakan.



Rajah 9. Lembaran kerja yang diberikan kepada Topo (6 Februari 2012 – 28 April 2012).

Topo didapati telah menunjukkan perkembangan yang sangat baik. Daripada Rajah 9, data tersebut dipaparkan dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.


Jadual 3

*Senarai Semak Kekerapan Kesilapan Topo Dalam Aktiviti Penulisan*

Bil/tarikh	Tindakan	Kekerapan melakukan kesilapan huruf kecil	Kekerapan melakukan kesilapan huruf besar
1. 26 Mac 2012	Tindakan 1	0	0
2. 30 Mac 2012	Tindakan 2	0	0
3. 4 April 2012	Tindakan 3	0	0
4. 11 April 2012	Tindakan 4	0	0
5. 18 April 2012	Tindakan 5	0	0
6. 28 April 2012	Tindakan 6	1	0

Daripada Jadual 3, Topo telah menunjukkan perkembangan dalam mengesuai kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil dengan baik. Dia tidak mengulangi kesalahan mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil semasa membuat latihan dalam lembaran kerja. Kekerapan menulis huruf kecil tidak berlaku lagi sehingga tindakan 6 yang mana Topo hanya melakukan kesalahan untuk ejaan 'tinggal'. Kekerapan melakukan kesilapan menulis huruf besar tidak berlaku lagi.


Penglibatan Topo dalam penyelidikan ini boleh dilihat melalui catatan nota lapangan dalam Rajah 10.



Rajah 10. Catatan nota lapangan tindakan 6 (28 Jun 2012).

Catatan tersebut telah menyatakan bahawa Topo memberi respon yang baik terhadap penyelidikan tindakan ini. Penglibatannya adalah aktif. Topo kelihatan seronok setelah dia dapat menyiapkan lembaran kerja Tindakan 6 dengan jayanya.

Pengenalan kaedah ansur maju telah mendatangkan kesan positif terhadap Topo dari segi kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil dengan betul. Di samping itu, kaedah ansur maju yang saya gunakan dapat membantu tulisan Topo menjadi semakin kemas dan senang dibaca berbanding dengan sebelum kaedah ansur maju diperkenalkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 11.



*Rajah 11. Lembaran kerja Tindakan 5 Topo (18 April 2012).*

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penggunaan kaedah ansur maju menunjukkan impak positif dalam menambah amalan p&p saya dan membantu peserta kajian dalam kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil. Dengan lebih banyak perhatian dan bimbingan, timbul minat murid untuk belajar Bahasa Melayu dengan lebih seronok. Melalui penguasaan kemahiran menulis huruf besar dan huruf kecil, prestasi murid dalam Bahasa Melayu khususnya dan mata pelajaran lain amnya dapat ditingkatkan.

Bagi diri saya pula, saya telah menjadi lebih teliti dalam penyemakan kerja murid saya selepas menjalankan penyelidikan tindakan ini. Saya perlu memerhati dengan teliti setiap lembaran kerja atau latihan yang dibuat oleh murid untuk mengesan kesalahan yang mereka buat. Ini merupakan kerja seorang guru iaitu mereka perlu memahami dan meneliti penulisan murid.

Di samping itu, saya juga telah memahami kepentingan menjalin hubungan rapat dengan guru, dan murid-murid. Penyelidikan tindakan ini memberi peluang kepada saya berkongsi pendapat dengan guru pembimbing dan juga guru yang lain. Saya memerlukan pendapat dan pandangan daripada guru-guru lain kerana mereka lebih berpengalaman dalam dunia pendidikan. Melalui perkongsian ilmu tersebut, saya dapat menambah pengalaman dan kemahiran mengajar saya sebagai bakal guru.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Pengalaman saya sepanjang pelaksanaan penyelidikan tindakan ini sungguh bernilai kerana ini merupakan kali pertama saya melibatkan diri dalam dunia penyelidikan. Saya menyedari, penggunaan ABM juga dapat membantu dalam menarik perhatian murid semasa proses pengajaran. ABM yang menarik serta menyeronokkan akan memikat hati dan merangsang deria murid untuk mendengar apa yang saya sampaikan. Hal ini sesuai dengan pandangan Muhaiban Kassim (2003) yang menyatakan perkara yang perlu diberi perhatian ketika menyerapkan pembelajaran ialah jenis bahan yang akan digunakan, memahami latar belakang murid, memahami persekitaran murid, dan yang terakhir ialah menyusun rancangan pengajaran.

Pengenalan kaedah ansur maju ini dapat membantu murid-murid saya memahami dan menguasai kemahiran menulis. Dengan ini, saya boleh meneruskan p&p saya berpandukan sukatan pelajaran dengan lancar. Kaedah ansur maju yang

berpusatkan murid merupakan satu kaedah p&p yang berkesan dalam membantu murid menguasai suatu konsep. Oleh itu, murid belajar secara memahami dan bukan sekadar melihat dan mendengar sahaja penerangan daripada guru.

Sebagai seorang penyelidik, saya telah cuba mengamalkan etika penyelidikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Sebelum menjalankan penyelidikan ini, saya telah meminta kebenaran daripada murid dan guru pembimbing yang telah terlibat dalam penyelidikan saya. Saya juga sedar akan kepentingan tabiat membaca selepas menjalani penyelidikan. Saya telah berusaha untuk menjadi contoh kepada penyelidik lain dan berharap hasil penyelidikan saya memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu dan kemahiran pedagogi Bahasa Melayu sekolah rendah. Selain itu, saya juga telah mempelajari pelbagai kaedah untuk mengumpul, menganalisis dan menyemak data. Saya juga didedahkan dengan cara menganalisis dan menyemak data seperti triangulasi sumber, kaedah dan masa. Di sini juga saya telah mengetahui perbezaan antara jenis triangulasi dan penggunaannya.

### **Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya**

Sekiranya saya ditempatkan di sekolah ini sebagai guru baharu, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini ke kitaran yang seterusnya. Saya akan menggunakan kaedah ansur maju ini dalam pengajaran yang melibatkan kemahiran membaca, mendengar dan bertutur serta kemahiran menulis. Kaedah ansur maju ini sangat sesuai untuk meningkatkan kecekapan murid dalam mana-mana kemahiran sekalipun.

Selain itu, saya akan cuba menggunakan kaedah ansur maju ini dengan penglibatan murid yang ramai dalam sesuatu tindakan. Dengan adanya pengalaman yang sedikit, saya akan cuba kaedah ansur maju ini dengan lebih menyeluruh iaitu melibatkan murid yang ramai sebagai peserta kajian saya.

Di samping itu, saya akan mencuba kaedah mengumpul, menganalisis serta menyemak data yang berlainan daripada kaedah-kaedah yang telah saya gunakan dalam penyelidikan tindakan ini. Saya boleh menggabungkan kaedah mengumpul data secara kualitatif dan kuantitatif. Hal ini dapat memberi kepuasan kepada diri saya dan memberi data yang lebih menyeluruh terhadap penyelidikan yang saya rancang.

### **RUJUKAN**

- Asmah Hj. Omar (1992). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abdullah Hamid Mahmood, Nik Safiah Karim, Farid M. Onn & Hashim Haji Musa. (2010). *Kamus Tata Bahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: DBP.
- Azman Wan Chik (1989). *Kesalahan bahasa dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Chuah Kim Hwa. (2007). *Teknik pengumpulan data kualitatif penyelidikan tindakan*. Bahan Kursus/ Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat Asas (Fasa II) Tahun 2007 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 9 – 11 Mei 2007 di Pusat Kegiatan Guru, Sri Aman.
- Isahak Haron (2001). *Mudah Membaca dan Menulis*. Shah Alam: Fajar Bakti.

- Juliana Ling Chu Chen. (2009). Membaiki tulisan murid Tahun 3 dalam mata pelajaran Bahasa Cina dengan kaedah ansur maju. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 146-156.
- Muhaiban Kassim. (2003). Pendekatan kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Jurnal Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia*. 3(2), 226-262.
- Tiong Houn Ching. (2005). Membaiki tulisan pelajar tingkatan peralihan dengan menggunakan kaedah ansur maju. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Terbitan bersama MP Batu Lintang dan Pejabat Pelajaran Gabungan Bahagian Sri Aman*, 84-96.